

**SIARAN AKHBAR****PROGRAM *FINANCIAL BOOTCAMP*
SEMPENA HARI MENABUNG KEBANGSAAN 2019**

1. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) telah mengadakan *Financial Bootcamp* buat julung kalinya pada 21 hingga 23 Syawal 1440 bersamaan dengan 26 hingga 28 Jun 2019, di Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi, bersempena dengan Hari Menabung Kebangsaan 2019.
2. Acara tersebut telah dirasmikan oleh Yang Mulia Dayang Hajah Rashidah binti Haji Sabtu, Pemangku Timbalan Pengarah Urusan Regulatori dan Pengawalseliaan, AMBD. Acara *Financial Bootcamp* ini dianjurkan dengan kerjasama Tabung Amanah Pekerja (TAP), Bank Associations of Brunei Darussalam (BAB), Brunei Takaful Insurance Association (BITA), Brunei Capital Markets Association (BCMA) dan Financial Planning Association of Brunei (FPAB).
3. *Financial Bootcamp* ini berlangsung selama 3 hari, dan membawa objektif untuk menggalakkan penuntut-penuntut universiti dan institusi pendidikan tinggi untuk merekabentuk produk-produk kewangan yang inovatif dengan memanfaatkan kemajuan teknologi di Negara Brunei Darussalam. Sebagai pengenalan, para peserta didedahkan kepada *Roadmap* Pembayaran Digital, iaitu inisiatif strategik AMBD untuk memacu transformasi digital di dalam industri pembayaran di Negara Brunei Darussalam dan juga mengenai kepentingan keselamatan siber dengan memanfaatkan teknologi. Para peserta juga menerima bimbingan daripada pakar-pakar institusi kewangan mengenai dengan perancangan kewangan dan pelbagai jenis produk kewangan seperti insurans dan pelaburan.
4. Semasa program *Financial Bootcamp* tersebut, para peserta berpeluang untuk membentangkan idea inovatif mereka secara ringkas dalam masa yang diperuntukkan dengan bimbingan mentor-mentor daripada institusi-institusi kewangan tempatan. Topik-topik yang dibentangkan merangkumi isu-isu pembangunan dan penggunaan produk kewangan serta cara-cara bagi menangani cabaran produk kewangan di Negara Brunei Darussalam yang ada pada masa ini. Selepas sesi tersebut, penyampaian sijil penyertaan kepada para-peserta telah diadakan dan sijil-sijil tersebut disampaikan oleh YM Hajah Sufinah binti Haji Sahat, Pemangku Penolong Pengarah Urusan, Perkhidmatan Korporat.
5. Matlamat keseluruhan program ini adalah untuk mempersiapkan para peserta dengan pengetahuan dan kemahiran kewangan yang berkaitan sebelum memasuki alam pekerjaan sambil memupuk penglibatan di antara institusi kewangan dan para pengguna mengenai pembangunan produk untuk memastikan sektor kewangan di Negara Brunei Darussalam boleh memenuhi keperluan orang awam dengan lebih baik.

6. Pemenang *Financial Bootcamp* akan diumumkan semasa Pesta Kewangan (*Financial Fun Fair*) yang akan diadakan pada bulan Ogos 2019 nanti. Pemenang akan berpeluang untuk memenangi hadiah wang tunai yang akan dimasukkan ke dalam akaun simpanan mereka bagi menggalakkan tabiat menabung dan memupuk gaya hidup kewangan yang sihat. Di samping itu, konsep produk kewangan juga berkemungkinan akan digunakan oleh institusi-institusi kewangan yang terlibat.
7. Bagi maklumat lanjut mengenai Hari Menabung Kebangsaan 2019, orang ramai boleh melayari laman web rasmi AMBD di www.ambd.gov.bn atau memuat turun AMBD App melalui 'App Store' atau 'Google Playstore' atau mengikuti akaun Instagram AMBD di @autoriti_monetari.

Autoriti Monetari Brunei Darussalam

Tarikh: 27 Syawal 1440/ 2 July 2019

Rujukan: AMBD/COMMS/3/2019